



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(47) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 34

28 Februari 2011

SIARAN MEDIA

BALAI BOMBA SUKARELA, DEWAN ORANG RAMAI, PELEBARAN JALAN DAN PEMBINAAN LONGKANG PENUHI KEPERLUAN PENDUDUK KERDAU

KERDAU, 28 Februari 2011 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Y.B. Dato' Wira Chor Chee Cheung mengadakan lawatan kerja di Dun Parlimen Kerdu, Pahang pada petang ini.

Lawatan kerja ini merupakan lawatan turun padang bagi lebih mendekati keperluan sosial penduduk di Kerdu, Pahang. Menyedari keperluan penduduk, Y.B. Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memperuntukkan pembinaan longkang berjarak 216 meter termasuk empat (4) *culvert* dengan anggaran kos RM 84,0000.00 serta memperuntukkan RM 50,000.00 bagi melebarkan jalan-jalan kampung di Kerdu.

Semalam Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM 150,000.00 bagi pembinaan Balai Bomba Sukarela Kerdu bagi menambah baik perkhidmatan kemasyarakatan kepada penduduk tempatan.

Bagi memenuhi keperluan penduduk tempatan untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan, Y.A.B. Perdana Menteri juga

telah memperuntukkan RM 400,000.00 bagi pembinaan Dewan Orang Ramai di Kerdau.

Y.B. Menteri juga mengumumkan bahawa kampung-kampung baru akan diberi peruntukkan secara tahunan bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk.

Y.B. Menteri mengucapkan jutaan terima kasih kepada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia di atas peruntukkan ini demi kepentingan penduduk Kerdau.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Landskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Pn. Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat (jessylina@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-20992403/20993206
Faks : 03-20956523
Laman Web : <http://www.kpkt.gov.my>
e-mail : pro@kpkt.gov.my